

Warisan Tidak Nyata (*Intangible Heritage*)

Adab dan Undang-undang Melayu

Oleh

Awang Hasmadi Awang Mois

Program Antropologi & Sosiologi

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalam sebuah kertas kerja yang telah dibentangkan di sebuah simposium mengenai "Representing 'Cultures' in Museums" di Tokyo saya pernah menyatakan persetujuan saya dengan pandangan Molly Harrison bahawa proses modenisasi dan pembangunan yang pesat mempunyai kesan yang buruk ke atas budaya dan sejarah masyarakat setempat dan badan-badan seperti muzium boleh memainkan peranan untuk mengurangkan kesan buruk yang dibawa oleh proses modenisasi dan pembangunan (Awang Hasmadi Awang Mois 1997). Bagaimanakah muzium boleh membantu manusia dalam usaha mengurangkan kesan buruk pembaharuan dan perubahan pesat yang sedang melanda masyarakat dunia? Menurut M Harrison (1972: 92), "museums are among those institutions which have permanent values to impart if they can make their voice heard. Harrison juga berkata bahawa "museums help us to recapture a sum of magic and awe at the complexity and beauty of the natural world and at the genius and skill of men. They help us to understand the importance of evidence to understand things through what our senses tell us about them (ibid).

Dalam perkataan lain muzium boleh membantu kita menangkap atau merebut kembali sebahagian daripada daya tarikan perasaan takjub kita apabila melihat betapa kompleks dan indahnya alam semula jadi dan kemahiran luar biasa manusia. Muzium juga membantu kita memahami peripentingnya bukti (*evidence*) dalam membantu kita memahami pelbagai perkara melalui apa yang dirasai dan difahami oleh deria maupun pancaindera tentang barang-barang yang dipersembahkan. Persoalan yang boleh kita timbulkan ialah adakah *tangible heritage* atau artifak-artifak yang dipamerkan di muzium sahajakah yang boleh menyedarkan kita kepada sumbangan berguna manusia yang telah lalu kepada perkembangan dan kemajuan tamadun manusia pada masa kini? Jawapannya mungkin sudah kita ketahui bahawa selain daripada bahan-bahan artifak yang sempat diselamatkan dan dikumpul untuk dipamerkan semula di muzium, ada warisan manusia yang berharga seperti nilai-nilai dan norma-norma warisan bangsa yang tidak dapat dipamerkan seperti mana kita pameran bahan-bahan artifak di muzium. Warisan bangsa ini boleh kehilangan dan dilupakan oleh anak bangsa kalau kewujudan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya tidak dibukukan atau kalau sudah dibukukan tidak sentiasa dibincangkan kerana seperti juga bahan-bahan artifak yang dipamerkan di muzium warisan bangsa yang bersifat intangible juga

bersifat bisu, tidak bersuara kalau kita tidak menyebut dan membantu menyuarakannya. Keadaan lupa dan tidak tahu menilai perkara-perkara yang berharga ini boleh timbul kerana dalam keadaan hidup dan budaya Melayu yang begitu pesat berubah masa kini bukan sahaja anak-anak muda, malah orang-orang dewasa juga sudah tidak lagi bercakap tentang warisan lama. Sebaliknya mereka sibuk bercakap tentang teknologi baru, minuman dan makanan baru, minuman dan makanan yang lagi cepat dan lagi segera. Malah manusia juga sudah mula bercakap tentang kaedah dan formula yang paling mudah untuk mencantikkan badan atau memperbaiki susuk badan, pipi, hidung atau sebagainya. Tidak ramai yang ingat petua lama, apa tah lagi norma dan nilai lama sehingga akhirnya sudah timbul masalah pagar makan padi atau haruan makan anak sendiri. Kesemua ini timbul kerana ramai daripada kita sudah beranggapan bahawa warisan lama tidak berguna. Seperti stereotype yang biasa memang ada tanggapan bahawa yang lama itu elok dimasukkan di muzium sahaja atau kalau tidak ada ruang lagi di muzium, ditanam sahaja, dijadikan penambat tebing, dijadikan titi atau kalau sudah tidak tahu apa yang boleh dibuat lagi ke atasnya dijadikan kayu api seperti apa yang sering terjadi di kawasan pedalaman atau pesisiran di negeri Sarawak. Dalam keadaan yang cepat membangun dan berubah memang bukan sahaja bahan-bahan artifak warisan bangsa yang berharga kita sahaja yang akan kehilangan; malah warisan bangsa yang bersifat intangible pun mengalami ancaman dan nasib yang serupa.

Istilah Adab dan Adat

Perlu saya akui di sini bahawa apabila saya mendapat tajuk yang diberikan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti untuk dibincangkan pada 11 September 2004 saya tidak tahu sama ada tajuk ini tersalah beri kepada saya atau memang sengaja dipilih untuk renungan dan tulisan saya. Pengalaman saya yang sebenar hanyalah melihat dan mengkaji adat dan agama masyarakat Dayak yang saya kaji di daerah Lundu, Bahagian Kuching, Sarawak iaitu Dayak Selako (Awang Hasmadi Awang Mois 1977; 1979 & 1990). Namun begitu dalam usaha untuk memahami konsep *adat* yang terdapat dalam masyarakat Dayak Selako di Sarawak ini memang saya tidak dapat lari dari membaca tulisan-tulisan Winstedt (1961; 1963) dan Wilkinson (1901; 1902; 1957 & 1959) untuk memahami maksud adat maupun adap dalam budaya Dayak Selako. Dalam kertas kerja ini akan saya akan cuba membicarakan secara umum konsep adab, adat dan undang-undang Melayu.

Bagi mereka yang biasa dengan tulisan mengenai undang-undang Melayu sama ada di Semenanjung maupun di Sarawak, mereka akan menyedari bahawa perbincangan mengenai undang-undang Melayu di kedua-dua wilayah memang tidak dapat mengelakkan daripada perbincangan tentang istilah adat dan juga adab dalam budaya Melayu.

Sebelum kita membicarakan tentang pengertian adat dalam masyarakat Melayu dan hubungannya dengan undang-undang Melayu elok kiranya kita melihat terlebih dahulu maksud perkataan adab. Istilah adab yang terdapat dalam bahasa Melayu berasal dari perkataan Arab, adab yang bermaksud, "culture, refinement; good breeding, good manners, social graces, decorum... humanity, humaneness (Cowan 1976: 9). *Kamus Dewan* suntingan Sheikh Osman Sheikh Salim juga memberi takrif kepada adab yang hampir serupa sebagai, "tingkah laku serta tutur kata yang halus" (sopan), "budi bahasa" dan "budi pekerti yang halus" (1989: 6). Sebagai penjelasan lanjut kamus yang sama juga menyebut tentang keadaan 'beradab' sebagai keadaan 'mempunyai adab', 'berbudi bahasa' dan 'bersopan'. Manakala bangsa yang beradab disebut sebagai 'bangsa yang bertamaddun'. Sementara lawan perkataan beradab adalah 'biadab' atau 'kurang sopan'.

Daripada apa yang telah dijelaskan oleh *Kamus Dewan* atau apa yang terdapat dalam kamus Arabic-English yang telah disunting oleh Cowan (1976) dapat dirumuskan bahawa pelakuan beradab dan keadaan memiliki adab adalah keadaan, sifat atau ciri manusia yang sudah bertamaddun. Hakikat bahawa masyarakat dan budaya Melayu di Nusantara sangat mementingkan adab atau adat ini menggambarkan hakikat bahawa bangsa Melayu adalah bangsa yang bertamadun sesuai dengan apa yang telah dirakamkan oleh pengembara-pengembara Barat dan penjajah Barat yang akhirnya singgah dan menakluki Nusantara. Namun begitu kalau kita fikirkan tentang istilah dan istilah-istilah yang berkaitan dengan mendalam dan pada masa yang sama lihat apa yang berlaku dalam masyarakat Melayu di sekeliling kita kurang pasti sama ada bangsa kita masih memiliki apa yang disebut sebagai ciri atau sifat bersopan santun atau berbudi pekerti yang halus ini. Sesetengah seni persembahan seperti tarian dan pakaian yang dipersembahkan pada masa kini cukup untuk menentukan sama ada kita masih mengekalkan ciri-ciri bangsa atau masyarakat yang dimaksudkan.

Istilah Adat dan Adat Melayu

Sebenarnya istilah adat telah banyak dibincangkan oleh penulis-penulis mengenai masyarakat Melayu dan Indonesia. Dalam kajian beliau mengenai agama masyarakat Ngaju Ter Haar pernah mentakrifkan adat sebagai "customary law" (1948: 5). Menurut Jensen di kalangan masyarakat Iban adat dikatakan sebagai "*far wider than law as understood in the west and much deeper and binding than mere custom or convention*" (1974: 112). Dalam usaha beliau untuk membandingkan adat Dayak Ngaju dan Iban, Jensen menambah bahawa adat, "has a double meaning. Firstly that of divine cosmic order and harmony, and secondly that of life and actions in agreement with this order" (ibid). Cooley, seorang pengkaji Barat yang telah mengkaji tentang masyarakat Ambon di Indonesia Timur berkata bahawa dalam masyarakat Ambon adat "belongs to the category of law but in traditional rather the

western sense.... Adat may be seen to be a kind of religious law, the sanctions of which are both social and supernatural (1962: 3). Wilkinson pula mentakrifkan adat sebagai "*personal habits, the ways of the world, the convention of society, the operation of natural laws, fines and penalties*". Tambah Wilkinson dalam ertikata yang terhad adat Melayu, "*does not in a strict sense cover religious law*" (1959: 5).

Menurut Hooker pula adat boleh memberi maksud berikut: (i) Manners, etiquette; (ii) Proper, in the sense of correct; (iii) The natural order, e.g. the sun sets in the West; (iv) Law, in the sense of rules of law; (v) Law, in the sense of concept of law - this is related to (iii), e.g. it is adat that law and religion complement each other.

Bagaimanakah masyarakat Melayu sendiri mentakrifkan istilah adat ini? Menurut *Kamus Dewan* suntingan Sheikh Osman Sheikh Salim (1989: 7) adat adalah peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi). Pertalian antara istilah "adab" dan istilah "adat" dalam *Kamus Dewan* kertara apabila ungkapan tahu adat itu ditakrifkan sebagai 'sopan' sama seperti maksud yang diberikan kepada istilah adab, dan ungkapan tidak tahu adat ditakrifkan sebagai 'tidak sopan'. Selain itu terdapat takrif-takrif lain berhubung dengan istilah adat seperti perkataan adat istiadat untuk merujuk kepada berbagai "adat yang dituruti" dan adat resam sebagai "adat kebiasaan". Selain itu antara beberapa penjelasan lain yang telah dicatatkan berkaitan dengan istilah adat adalah peribahasa -peribahasa Melayu yang penting seperti "adat bersendi syarak, syarak bersendi adat" dan "hilang adat tegal muafakat" iaitu suatu peribahasa yang bermaksud bahawa adat lama itu boleh diubah asal dengan muafakat.

Undang-undang Melayu

Seseorang pelajar antropologi yang pernah mengambil kursus "anthropology of law" atau "customary laws" akan menyedari bahawa apabila kita melihat kepada makna yang diberikan kepada istilah adat dan makna yang diberikan kepada istilah undang-undang kita tidak begitu pasti sama ada istilah adat atau undang-undang itu bukan istilah yang bertentangan. Masalah perbezaan antara pengertian law dan custom banyak dihadapi oleh ahli-ahli antropologi yang pernah mengkaji tentang "customary laws" di Afrika. Dan masalah ini pernah ditegaskan oleh Edmund Leach apabila beliau berkata:

" Social anthropology is the study of customary behaviour. The very notion of custom implies regularity and predictability and conformity to rule. So it is not surprising that social anthropologists have long puzzled over the problem of how far the

rules of *custom* can be thought of as analogous to the rules of *law* (1977: 6).

Leach mengakui bahawa dalam pengertian tertentu, "customs and laws are quite different. Laws, in our kind of society, are there to be enforced. Enforcement is often insufficient, but anyone who is prepared to take the trouble can fairly easily find out what the law is, and what penalties are supposed to be imposed if he chooses to disobey the law. Custom is more vague. No one can spell out *precisely* what is not customary, now can anyone be entirely clear about what would happen if custom were ignored (1977: 7-8).

Kesukaran untuk menetapkan sama ada undang-undang Melayu itu "laws" atau "customs" mengikut takrif Inggeris mungkin dapat menjelaskan kenapa undang-undang Melayu telah disebut sahaja sebagai "The Malay Adat Laws" oleh Hooker (1976: 62-95). Untuk melihat kenapa Hooker dan penulis-penulis Inggeris yang lain merujuk kepada undang-undang Melayu sebagai "adat laws" kita boleh melihat takrif yang diberikan kepada istilah undang-undang oleh *Kamus Dewan*. Menurut *Kamus Dewan* undang-undang adalah sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan (Sheikh Osman Sheikh Salim 1989: 1435). Takrif untuk istilah undang-undang yang diberikan oleh *Kamus Dewan* tidak begitu banyak berbeza dengan takrif yang diberikan oleh *Cambridge International Dictionary of English* kepada *law*. Menurut kamus tersebut law adalah, "rule, usually made by a government, that is used to order the way in which a society behaves, or the whole system of such rules" (1995: 801).

Biasanya apabila membicarakan tentang perbezaan antara "laws" yang dimiliki oleh masyarakat Barat dan "customs" yang dipusakai dan dituruti oleh masyarakat bukan Barat ahli-ahli antropologi Barat selalu menegaskan tentang "laws" sebagai set peraturan aatau perintah yang tersusun dan bertulis (*codified*) manakala "customs" pula merupakan set peraturan yang tidak tersusun dan bertulis (*unwritten and uncodified*). "Laws" atau undang-undang Barat ini juga dikatakan adalah hakim, ada juri, polis dan agensi lain untuk mengawal dan melaksanakannya. Sebaliknya undang-undang adat seperti undang-undang Melayu kekurangan jentera atau agensi untuk melaksanakannya. Kalau ada pun mungkin ada lembaga adat atau *council of elders* iaitu golongan senior dalam masyarakat berkenaan. Oleh kerana kekurangan yang terdapat dalam sistem undang-undang adat dari segi perlaksanaannya (*enforcement*) maka tekanan (*constraints*) yang datang dari undang-undang adat ini tidak begitu dirasakan oleh anggota masyarakat yang terlibat. Hakikat ini boleh menjelaskan kenapa kuasa undang-undang Melayu tidak begitu terasa oleh empunya undang-undang itu sendiri dalam negara kita. Sedangkan dari segi teorinya undang-undang adat atau undang-undang Melayu bermegah dengan kenyataan adat bersendi syarak, syarak bersendi adat yang bermaksud segala perbuatan hendaklah jangan bertentangan dengan adat dan agama

kerana adat dan agama itu berkaitan antara satu dengan lain.

Adat Perpatih, Adat Temenggong dan Adat Melayu Sarawak

Menurut Hooker (1976: 62) tindakan pentadbir-pentadbir penjajah mengklasifikasikan adat-adat Melayu di Semenanjung kepada "adat perpatih" dan "adat temenggong" telah mengelirukan lagi kefahaman orang tentang adat seperti yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Hooker (ibid) berpendapat bahawa klasifikasi adat perpatih dengan adat temenggong adalah klasifikasi yang tidak tepat dengan fakta sebenar. Hakikatnya adalah ada beberapa jenis adat Melayu mengikut kawasan geografinya.

Menurut Hooker (ibid) di Negri Sembilan dan beberapa bahagian negeri Malaka terdapat undang-undang adat yang berteraskan sistem organisasi sosial yang bersifat matrilineal (sesisi sebelah ibu). Inilah sistem undang-undang yang diistilahkan dengan istilah adat perpatih. Di negeri-negeri lain undang-undang adatnya adalah berdasarkan sistem organisasi sosial yang bersifat bilateral atau kognatik. Banyak daripada peruntukan undang-undang adat perpatih ini menyentuh soal pemilikan tanah (*land holding*) termasuk soal pewarisan (*inheritance*). Hooker juga berkata bahawa oleh kerana peripentingnya tanah kepada masyarakat petani maka bidang kuasa adat perpatih ini juga meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan penagmbilan anak angkat. Oleh kerana pihak berkuasa penjajah British dahulu dikatakan mempunyai polis untuk mengekalkan institusi-institusi lama maka pegawai-pegawai yang melaksanakan undang-undang adat perpatih juga dikekalkan fungsinya sehingga ke hari ini. Di antara jawatan-jawatan yang dimaksudkan adalah jawatan (i) Yang di-Pertuan Besar; (ii) Undang (sungei Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau); (iii) Lembaga (pegawai yang dipilih oleh ahli-ahli suku seperti buapak dan waris); dan akhirnya (iv) buapak. Pegawai ini dipilih oleh ahli-ahli keterunan atau jurai.

Selain daripada adat perpatih ini terdapat lagi satu kategori adat yang dipanggil Adat Naning. Menurut Hooker (1976: 71) daerah Naning adalah salah satu daripada sembilan negeri yang telah membentuk Negri Sembilan yang lama. Dalam perlembagaan negeri Melaka adat yang dipakai di daerah tersebut dirujuk sebagai "Adat Perpatih Naning". Perlambagaan negeri Melaka menetapkan bahawa hanya daerah ini sahaja yang telah ditetapkan sebagai kawasan matrilineal perpatih. Seperti halnya dengan amalan adat perpatih di Negeri Sembilan adat Naning lebih banyak merujuk kepada soal-soal tanah. Di samping adat perpatih Negri Sembilan dan adat perpatih Naning terdapat satu lagi kategori adat yang disebut Adat Temenggong. Walaupun bagaimanapun Hooker mendakwa istilah ini tidak merujuk kepada mana-mana badan adat walaupun pelbagai makna Cina telah diberi kepadanya. Apa yang ada tersebut tentang adat ini ia adalah sistem adat yang bercorak

'aristokratik' dan 'autokratik' (Hooker 1976: 89) manakala adat perpatih itu dikatakan sistem adat yang bercorak 'matrilineal' dan 'demokratik' kerana ia berupa satu kumpulan peraturan yang banyak menyentuh tentang soal pemilikan dan perpindahan tanah seperti yang terdapat dalam masyarakat petani. Ia juga dikatakan sebagai matrilineal kerana adat atau sistem peraturan ini terbentuk dalam kumpulan keturunan matrilineal.

Selain daripada Adat Perpatih, Adat Naning dan apa yang disebut sebagai Adat Temenggong terdapat satu lagi jenis adat Melayu yang dikenali sebagai Adat Melayu Sarawak. Menurut Hooker tidak banyak yang diketahui tentang adat Melayu Sarawak ini tidak begitu diketahui. Antara sebabnya menurut Hooker ialah berbanding dengan adat Melayu lain adat Melayu Sarawak telah lama disusun dan dibukukan oleh Kerajaan Brooke dan dilaksanakan oleh pegawai-pegawainya. Menurut Hooker Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak sekarang adalah undang-undang subsidiari (*subsidiary legislation*) yang ditadbir di mahkamah mengikut Ordinan Undang-undang anak Negeri (*Native Customary Laws Ordinance*). Sebarang kes boleh dirujuk ke Mahkamah Tertinggi Sarawak mengikut dakwaan asal atau dengan rayuan melalui Mahkamah Anak Negeri (*Native Customary Court*). Menurut Dona Babel (1988) terdapat beberapa pindaan ke atas Ordinan Majlis Islam Sarawak iaitu ordinan yang mengawal kuasa dan fungsi Majlis Islam Sarawak yang telah ditubuhkan pada 1954 mula mengambilalih tugas dan fungsi yang pernah dimainkan oleh Undang-Undang Adat atau Undang-undang mahkamah Melayu Sarawak. Menurut peruntukan yang asal Majlis Islam Sarawak yang telah ditubuhkan pada tahun 1954 bertujuan antara lain (i) untuk membantu pentadbiran harta masyarakat Melayu Sarawak (ii) mengenakan kawalan ke atas mereka yang hendak mengerjakan haji dan (iii) menasihati kerajaan dalam hal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu dan mengeluarkan fatwa (Donna Babel 1988: 257; lihat juga Abang Yusuf Abang Puteh 1964: 12-13).

Pindaan ke atas Ordinan Majlis Islam Sarawak tahun 1978 memberikan peruntukan kepada Majlis Islam Sarawak untuk (i) menubuhkan Mahkamah Syariah bagi mengambilalih bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri di dalam kes-kes mengenai kesalahan di bawah undang-undang Islam atau Adat Melayu Sarawak. Selain itu peruntukan itu juga (ii) memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Kadi Besar untuk membicarakan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Ordinan 1978 Majlis Islam (Incorporation) Pindaan (No. 8 1978) atau di bawah undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak atau mana-mana kaedah/peraturan dibuat di bawah undang-undang bertulis.

Beberapa Ciri Umum

Daripada apa yang telah dibincangkan terdapat perkara yang menarik mengenai adat, adat dan

undang-undang Melayu. Pada amnya adab, adat dan undang-undang Melayu bertujuan untuk mengawal hubungan antara manusia yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun kalau istilah adab dan adat Melayu itu boleh dilihat dalam konteks kepercayaan dan pegangan agama yang mendasarinya maka adab dan undang-undang Melayu juga boleh dikatakan sebagai set peraturan yang mengawal antara hubungan manusia dengan manusia atau mengawal ketenteraman masyarakat; malah ia juga mengawal hubungan antara manusia dengan makhluk-makhluk ghaib yang suatu ketika memang menjadi suatu *constraint* kepada anggota masyarakat Melayu supaya mematuhi semua pantang larang yang menyentuh soal kelahiran hinggalah ke soal kematian. Malah inilah yang disebut oleh Zainal Kling apabila membicarakan tentang adat Melayu Sarawak. Menurut beliau, “adat menjaga hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam ghaib dan manusia dengan ketuhanan” (Dona Babel, 1988: 257). Saya percaya suatu ketika keadaan yang sama juga berlaku dalam masyarakat Melayu di Semenanjung sehingga kita begitu berhati-hati apabila masuk ke hutan, menyeberang sungai atau menebang hutan sehingga sikap hormat kita yang tidak nampak atau yang ghaib mengambil bentuk ucapan seperti, “Tabik Datuk” dan sebagainya. Pelakuan seolah-olah bercakap dengan watak yang tidak nampak mungkin akan mengelirukan manusia yang datang dari Barat yang tidak arif tentang apa yang terkandung dalam adab, maupun adat dan undang-undang Melayu.

Akhir Kata

Dalam satu tulisan mengenai masyarakat Minangkabau di Sumatra seorang pengkaji antropologi Amerika berkata, “To me, and I think to most Americans, the Minangkabau view that manners make the person seemed comparable to and about as remote as the statement made in 1687 by a Virginian gentleman that his children had “better be never born than ill-bred”.... I did, however, persevere in learning local etiquette once I realized that I would not be regarded as even an ordinary member of the community until I confirmed to this set of constraints.... Because I was accustomed to measuring individuals worth primarily in terms of personal self, I did not for some time understand why the Minangkabau were accustomed to measuring individual worth primarily in terms of the extent to which an individual observed *baso basi* [pelakuan baik]” (Errington 1984: 20).

Setelah melihat betapa seorang bangsa Amerika menyedari bahawa adat masyarakat Minangkabau yang dikajinya lebih mengutamakan masyarakat umum daripada mengutamakan kepentingan seorang individu kita harus memikirkan semula sama ada pelakuan melupakan adab dan undang-undang masyarakat kita melayakkan kita ditempatkan bersama-sama bahan artifak yang kita pameran di muzium kerana stereotipe kita warisan bangsa yang berbentuk intangible ini sudah obsolete seperti juga tanggapan kita tentang bahan-bahan pameran itu adalah sendiri.

Bibliografi

Abang Yusof bin Abang Puteh 1964. *Beberapa Segi Adat Perkahwinan Orang2 Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abang Yusof Puteh 1996. *The Malay Culture of Sarawak*. Kuching: Shobra Publications.

Awang Hasmadi Awang Mois

1977 Adat Selako. Unpublished B.A. (Hons) Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1978 Adat dan Ugama Selako. Unpublished M.A. Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1990 Selako Worldview and Rituals. Unpublished Ph.D. Thesis, University of Cambridge, England.

1997 Modernity and Museum in Nation Building. Paper presented at the International Symposium Representing "Cultures" in Museums, Osaka and Tokyo October 20-26, 1997.

2002 Exploring Some Selako Idioms: Rules on Courtship, Marriage and Married Life. In Masaru Miyamoto & Patricia Regis (eds.) *Cultural Adaptation in Borneo*. Sabah Museum Monograph Vol. 7 pp.147-183.

Cambridge International Dictionary of English 1995

Cooley, Frank L 1962 *Ambonese adat: A General Description*. New Haven: Yale University Southeast Asian Studies.

Cowan, J.M. 1976 *A Dictioanry of Modern Written Arabic*. Ithaca, New York: Spoken Language Services.

Dona Babel 1989 Undang-undang adat: Melayu Islam Sarawak. *Sarawak Museum Journal* Special Issue No. 4 part I Sarawak Cultural Heritage SymposiumI Vol. XL (61) 255-270.

Errrington, Frederick K. 1984 *Manners and Meaning in West Sumatra*. New Haven & London: Yale University Press.

Harrison, Molly 1978 Education in Museums. *The Organization of Museums: Practical Advice*, UNESCO.

- Hooker, M.B. 1976 *The Personal Laws of Malaysia: An Introduction*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jensen, Erik. 1974 *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Leach, Edmund 1977 *Custom, Law and Terrorist Violence*. Edinburgh: University of Edinburgh Press
- Sheikh Osman Sheikh Salim 1989 *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ter Haar 1948 *Adat Law in Indonesia*. Djakarta: Bhratara.
- Wilkinson, R.J.
 1901 *A Malay-English Dictionary*. Part I. Singapore: Kelly and Walsh.
 1902 *A Malay-English Dictionary*. Part II. Singapore: Kelly and Walsh.
 1957 "Malay Customs and Beliefs". *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Vol XXX, Part 4: 1-87.
 1958 *A Malay-English Dictionary* (romanised). 2 Vols. London: Macmillan.
- Winstedt, R. 1961 *The Malays – A Cultural History*. Singapore: Graham Brash.